Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda منبرنقهودا

BIL: 15/12 SYAWWAL 1435H/8 OGOS 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

GANJARAN PUASA SETAHUN

عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ (رواه مسلم وأبو داود والترمذي والنسائي وابن ماجه)

Dari Abu Ayyub Al-Anshari Radhiyallahu 'Anhu Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: "Barangsiapa berpuasa pada bulan Ramadhan lalu diiringi dengan puasa enam hari pada bulan Syawwal, maka dia seperti puasa sepanjang tahun". [Diriwayatkan oleh Imam Muslim, Abu Dawud, At-Tirmidzi, An-Nasaa-i dan Ibnu Majah].

KETERANGAN

Allah Ta'ala telah berfirman yang mafhumnya: **"Barangsiapa membawa amal yang baik, maka baginya pahala sepuluh kali lipat amalnya. [Al-An'aam: 160]** Dari Tsauban, Maula pembantu Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam, dari Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: "Barangsiapa yang melakukan puasa enam hari setelah Hari Raya 'Aidul Fithri, maka itu menjadi penyempurna puasa satu tahun."

Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Imam Nasaa-i dengan lafaz: "Allah menjadikan ganjaran kebaikan itu sepuluh kali lipat, satu bulan sama dengan sepuluh bulan dan puasa enam hari setelah Hari Raya 'Aidul Fithri merupakan penyempurna satu tahun."

Diriwayatkan pula oleh Ibnu Khuzaimah dalam Shahih-nya dengan lafaz: "Puasa bulan Ramadhan, ganjarannya sepuluh bulan dan puasa enam hari sama dengan dua bulan. Itulah puasa satu tahun."

Diriwayatkan pula oleh Ibnu Hibban dalam Shahihnya dengan lafaz: "Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dan enam hari pada bulan Syawwal, berarti sudah melaksanakan puasa satu tahun."

Menurut Imam An-Nawawi Rahimahullah: "Para 'Ulama berkata, bahawa puasa enam setara dengan puasa setahun, kerana satu kebaikan diberi ganjaran sepuluh kali ganda. Puasa sebulan Ramadhan sama dengan puasa sepuluh bulan, puasa enam pula sama dengan berpuasa dua bulan." (Syarah Muslim: 3/238)

Menurut Ibnu Qudamah Rahimahullah: "Puasa enam hari di bulan Syawwal disunnahkan sebagaimana pendapat kebanyakan Para 'Ulama, iaitu berdasarkan riwayat dari Ka'ab Al-Ahbar, Asy-Syafi'e dan Maimun bin Mihran serta inilah pendapat Imam Asy-Syafi'e Rahimahullah dan Ahmad". Tidak disyaratkan dikerjakan pada minggu pertama Syawwal, kedua atau ketiga atau secara berturut-turut. Boleh dikerjakan pada Hari Raya kedua, berturut-turut atau diselang-seli kerana keumuman sabda Rasulullah: "Dan ikut iringkanlah dengan puasa enam hari di bulan Syawwal." Di riwayat yang lain, "Enam hari di bulan Syawal".

Hadits di atas ini menunjukkan bahawa bulan Syawwal keseluruhannya waktu untuk berpuasa enam, diberi kelongaran sehingga tidak dikhususkan sebahagian waktu dengan waktu yang lain, yang pastinya ia dipisahkan oleh puasa Ramadhan dengan Hari Raya pertama 1 Syawwal, kerana tidak dibolehkan berpuasa pada awal Hari Raya.

Peristiwa Penting Di Bulan Syawwal

Bulan Syawwal merupakan bulan kesepuluh di dalam Taqwim Hijriyyah yang penuh keutamaan dan keistimewaan. Secara harfiah, Syawwal bererti peningkatan. Hal ini demikian kerana segala amal 'Ibadah mahupun latihan yang dijalani selama sebulan penuh ketika Ramadhan, hendaknya dapat dilipatgandakan kualiti dan kuantitinya pada bulan ini. Keistimewaan Syawwal semakin nyata dengan anjuran berpuasa Sunnah selama enam hari. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam sangat menekankan 'Ibadah ini dan dibuktikan dengan banyaknya Hadits berkait amalan puasa tersebut. Selain itu, sejarah awal Islam juga mencatat sejumlah peristiwa penting yang terjadi di bulan Syawwal yang memiliki pengaruh kuat terhadap keberhasilan pengembangan Agama Islam.

1. Perang Uhud

Berlaku pada 15 Syawwal 3 Hijrah. Tentera Kafir Quraisy ingin membalas dendam kekalahan Perang Badar setahun sebelum itu. Pada peringkat pertama, tentera Islam mencapai kemenangan. Tetapi, akibat kumpulan pemanah melanggar perintah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam supaya tidak meninggalkan kedudukan masing-masing walau apa pun berlaku, tentera Islam akhirnya ditewaskan. Pasukan pemanah Islam melanggar perintah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam selepas yakin mencapai kemenangan dan ingin memungut harta rampasan perang yang ditinggal musuh.Khalid Ibnu Walid yang ketika itu belum memeluk Islam, mengambil peluang itu melakukan serangan mengejut sehingga berlakunya kekalutan. Hal ini ditambah dengan serangan saraf dengan tersebar kononnya Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam wafat. Akhirnya, ada sahabat terpandang Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam masih berjuang, lalu diamelaungkan keadaan sebenar sehingga membangkitkan semula semangat juang tentera Islam.Baginda bersama 30 tentera Islam menuju ke suatu teluk di Bukit Uhud untuk mengatur perancangan perang yang baru.Pada peringkat kedua ini, tentera Islam menerima ujian apabila 70 orang Syahid, termasuk Sayyidina Hamzah 'Abdul Muttalib yang digelar Asadullah (Singa Allah). Pada peringkat ketiga, tentera Islam dapat bertahan apabila tentera Kafir yang tidak berpuas hati kerana gagal membunuh Rasulullah, Shallallahu 'Alaihi Wasallam mengatur langkah menyerang Madinah. Bagaimanapun, mereka tidak meneruskan perancangan itu apabila mengetahui Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersiap untuk menyerang balas. Kekalahan pada peringkat kedua ini berlaku akibat pelanggaran perintah Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam selaku pemimpin, serta rasa terlalu seronok dengan harta rampasan perang sehingga kurangnya pertautan hati dengan Allah.

2. Perang Bani Qainuqa.

Terjadi pada Syawwal 2 Hijriyah. Pasukan Islam pimpinan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam memerangi kaum Yahudi lantaran mereka memusuhi kaum Muslimin. Mereka juga yang pertama mengkhianati perjanjian yang dibuat oleh kedua pihak.

3. Perang Bani Sulaim di Kudri.

Terjadi pada Syawwal 2 Hijriyah. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam berangkat menuju Qarqarah Al-Kadr untuk memecah pasukan Bani Sulaim dan Gathafan.

4. Perang Khandaq

Berlaku mulai Syawal sehingga awal Zulkaedah 5 Hijrah. Peristiwa ini mudah diingati kerana setiap kali tiba Hari Raya, kita sentiasa laungkan Ahzab "Dan Dialah Allah yang memenangkan tenteraNya serta mengalahkan tentera Ahzab". Perang Ahzab yang bererti tentera bersekutu juga dikenali dengan nama Perang Khandak (parit) sempena saliran dibina tentera Islam sebagai kubu. Ia berlaku selepas Yahudi Bani Nadhir dihalau Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam dari Madinah kerana cuba membunuh baginda. Tentera bersekutu Kuffar seramai 10,000 orang yang tiba ke tempat peperangan terkejut apabila mendapati parit digali tentera Islam. Ia adalah pengalaman strategi berperang yang baru kepada mereka. Tentera Islam yang hanya berjumlah 3,000 orang mampu bertahan. Pertempuran besar tidak berlaku dalam peperangan ini. hanya enam tentera Islam Syahid, manakala 10 Musyrikin dibunuh. Akhirnya, Allah mendatangkan kemenangan dengan ribut pasir, menyebabkan tentera musuh berundur. Berlaku juga kacau-bilau antara mereka apabila pengintip yang dihantar Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam berjaya melonggarkan kepercayaan antara tentera Ahzab

5. Perang Hunain.

Pertempuran antara Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam dan pengikutnya melawan kaum Badwi dari suku Hawazin dan Tsaqif pada tahun 630M atau 8H, dari Makkah ke Thaif. Pertempuran ini berakhir dengan kemenangan mutlak bagi kaum Muslimin, yang juga berhasil memperoleh rampasan perang yang banyak. Pasukan Muslimin saat itu 12,000 orang, terdiri dari 10,000 Muslim yang turut serta dalam penaklukan Makkah, ditambah 2,000 orang Quraisy Mekkah yang baru masuk Islam. Perang ini terjadi sekitar dua minggu setelah penaklukan Makkah, atau empat minggu setelah Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam meninggalkan Madinah.

6. Perang Tha'if.

Orang-orang Tsaqif yang melarikan diri dari perang Hunain pergi ke benteng-benteng mereka di Thaif. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam mengejar mereka melewati daerah-daerah Nakhla Al-Yamaniyah, Qarn, Al-Mulaih dan Bahrah Ar-Rugha. Baginda kemudian membangunkan markaz dan mengepung benteng-benteng Thaif selama lebih dari 20 malam. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam melempari orang-orang Thaif dengan senjata manjanik (pelempar batu). Perang Thaif adalah perang pertama di mana kaum Muslimin menggunakan senjata manjanik. Dalam peperangan Thaif ini juga digunakan Dabbabah, iaitu sejenis alat perang yang digunakan untuk menghancurkan pintu-pintu benteng.

7. Pernikahan Rasulullah.

Pernikahan Rasulullah dengan 'Aisyah Radhiyallahu 'Anha dan Ummu Salamah Radhiyallahu 'Anha.

8. Kelahiran Imam Bukhari

Lahirnya Imam Bukhari pada bulan Syawwal, iaitu tahun 194 Hijriyah. Beliau wafat pada tahun 256H iaitu di malam 'Aidul Fitri dan dimakamkan pada Hari Raya 1 Syawwal.

9. Kelahiran 'Abdullah bin Zubair

Lahirnya 'Abdullah bin Zubair, dan dialah bayi pertama Muhajirin yang lahir di Madinah pada tahun 1 Hijriyyah.

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

‘AQIDAH BERKENAAN ZAT ALLAH

Imam Al-Ghazali Rahmatullah ‘Alaih telah menyatakan di dalam Kitab Al-Arba’in Fi Ushuliddin,

“Allah itu ***Wahid*** (Esa) pada ZatNya iaitu tiada Syarik yang bersekutu bagiNya. Allah itu ***Fard*** (Tunggal) iaitu tidak ada yang seumpama denganNya. Allah itu ***Shamad*** (Tempat Pergantungan) iaitu tidak ada yang dapat menandingiNya. Allah itu ***Mutawahhid*** yakni diesakan dan diagungkan tanpa ada yang dapat menyamai kedudukanNya. Allah itu bershifat ***Qadim*** (Sedia Ada) iaitu tidak ada baginya yang mendahuluiNya dari segi kejadian. Allah itu bershifat ***Azali*** iaitu tidak ada bagiNya permulaan. Kewujudan Allah adalah ***Mustamir*** (Berterusan) iaitu tiada pengakhiran. Allah itu bershifat ***Abadi*** iaitu tiada kesudahan BagiNya, ***Qayyum*** (Maha Berdiri Sendiri) tanpa terhenti bagiNya, ***Daim*** (Maha Tetap) tanpa terpututs bagiNya, sentiasa bershifat dengan Shifat ***Jalal*** (Keagungan). Bahkan Allah itu yang Maha Awal, Maha Akhir, Maha Zhahir, Maha Bathin dan Dia Maha Mengetahui atas setiap perkara.”

Sebagaimana Firman Allah:

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ٢ لَمۡ يَلِدۡ وَلَمۡ يُولَدۡ ٣ وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدُۢ ٤

Katakanlah Wahai Muhammad: “Dia Tuhanku ialah Allah Yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tidak melahirkan dan Dia tidak dilahirkan. Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa denganNya.” [Al-Ikhlash: 1-4] Dan FirmanNya:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ

“Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia yang Tetap Hidup, yang Kekal Selama-lamanya Mentadbirkan sekalian makhlukNya.” [Al-Baqarah: 255] Dan FirmanNya:

هُوَ ٱلۡأَوَّلُ وَٱلۡأٓخِرُ وَٱلظَّٰهِرُ وَٱلۡبَاطِنُۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٌ ٣

“Dialah yang Awal dan yang Akhir dan yang Zhahir dan yang Bathin, dan Dialah yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” [Al-Hadid: 3]

TOKOH ISLAM

IMAM AL-GHAZALI

Nama beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad At-Tusi dilahirkan di Tus yang terletak di Khurasan pada tahun 450H. Ayah beliau bekerja sebagai tukang pintal benang untuk dibuat kain dan menjualnya di kedai-kedai di Tus, Ayah beliau telah mewasiatkan kepada beliau dan abangnya yang bernama Ahmad untuk terus menuntut ilmu pengetahuan Agama.

Khurasan ialah suatu wilayah yang kini meliputi Afghanistan, Turkmenistan, Tajikistan, Uzbekistan serta sebahagian kecil Khirgistan. Tus pula terletak di utara Iran yang bersempadan dengan Uzbekistan. Bumi Khurasan ini telah melahirkan ramai Para Ulama dan Para Awliya yang besar seperti Imam Al-Bukhari, Abu Laits As-Samarqandi, Imam Muslim, Imam Nasa’I, Imam Tirmidzi, Imam Nakha’I, Ibnu Sina, Al-Farabi, Al-Biruni, Ibnu Rusyd, ‘Umar Khayyam, Syaikh Fariduddin ‘Atthar, Syah Bahauddin Naqsyabandi, Al-Khazini dan ramai lagi.

Imam Al-Ghazali telah mempelajari Ilmu Fiqh sejak dari kecil di Tus daripada gurunya Imam Ahmad Ar-Razikani, kemudian bermusafir ke Jurjan untuk mengambil ilmu daripada Imam Abi Nashr Al-Isma’ili, kemudian kembali semula ke Tus. Kemudian beliau pergi ke Naisabur untuk berguru dengan Imam Al-Haramain Abu Ma’ali Al-Juwaini.

Beliau telah menguasai Ilmu Fiqh Mazhab Syafi’I beserta perselisihan pandangan Fuqaha, ilmu-ilmu asas Agama Islam, Usul Fiqh, Mantiq serta Falsafah dan memahaminya dengan baik kemudian menyanggah segala kebatilan Ahli Falsafah. Beliau banyak menghabiskan masa dengan mengkhatamkan Al-Quran, berdampingan dengan ‘Ulama Tashawwuf, mengajar ilmu, sentiasa melaksanakan Solat dan Puasa Sunnat. Antara perkara terakhir yang sering dilakukan ketika hayatnya ialah membaca Hadits-hadits Nabi dan meneliti kitab Shahih Al-Bukhari dan Muslim.

Beliau telah mengarang banyak kitab dalam setiap cabang ilmu dan karya-karya yang dihasilkannya adalah sangat baik. Beliau seorang yang sangat cerdik, mempunyai pandangan mendalam, kuat hafazannya dan menyelami makna-makna secara terperinci sebagaimana diakui oleh gurunya iaitu Imam Al-Juwaini. Beliau kekal berada di Naisabur sehinggalah gurunya Imam Al-Haramain Al-Juwaini wafat pada tahun 478H. Kemudian beliau berpindah belajar di Mukhayyam As-Sulthani yang diasaskan oleh Nizam Al-Muluk sehingga tahun 484H, kemudian beliau telah dilantik untuk mengajar sehingga diamanahkan sebagai Rektor di Madrasah Nizhamiyyah di Baghdad. Menurut Imam Az-Zubaidi, karya-karya yang telah dihasilkan oleh Imam Al-Ghazali melebihi 70 kitab dan sebanyak 23 daripadanya telah dicetak. Imam Al-Ghazali wafat pada hari Isnin, 14 Jamadil Akhir 505H.

Ghazwah Bani Qainuqa’

Ghazwah ini tercetus pada 15 Syawal tahun 2 Hijrah setelah Yahudi Bani Qainuqa’ mengkhianati perjanjian yang telah dimeterai antara Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersama mereka. Bahkan mereka dengan segera melanggar perjanjian dan bertambah marah dan iri hati dengan kemenangan muslimin di Badar. Kini secara terangan mereka memusuhi Muslimin setelah berlaku satu peristiwa di mana seorang lelaki Yahudi tukang emas mengangkat hujung baju seorang wanita Islam di pasar Bani Qainuqa’. Bila wanita itu bangun maka terselaklah auratnya, lalu dia memekik. Seorang lelaki Islam bingkas menyerang lelaki Yahudi itu dan membunuhnya. Kemudian Yahudi-yahudi yang lain pula berkumpul dan menerkam lelaki Islam tadi dan membunuhnya. Lantas orang-orang Islam memanggil Muslimin yang lain dan membangkitkan kemarahan Muslimin lainnya sehingga berlaku pergaduhan antara orang Islam dan Bani Qainuqa’.

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah mengepung selama 15 malam bermula pada 15 Syawal tahun kedua Hijrah menurut pendapat yang kuat sehingga bulan Zulqaedah. Akhirnya mereka tunduk dengan hukuman dan keputusan Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam iaitu seluruh harta, isteri dan anak-anak serta diri mereka hendaklah keluar meninggalkan Madinah. Lalu mereka telah menuju ke Azar’at di Syam. Yahudi Bani Qainuqa’ adalah Yahudi yang pertama menentang Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam. Ayat al-Quran telah turun mengecam perbuatan Bani Qainuqa’.

Firman Allah Ta’ala:

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ سَتُغۡلَبُونَ وَتُحۡشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمِهَادُ ١٢ قَدۡ كَانَ لَكُمۡ ءَايَةٞ فِي فِئَتَيۡنِ ٱلۡتَقَتَاۖ فِئَةٞ تُقَٰتِلُ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَأُخۡرَىٰ كَافِرَةٞ يَرَوۡنَهُم مِّثۡلَيۡهِمۡ رَأۡيَ ٱلۡعَيۡنِۚ وَٱللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصۡرِهِۦ مَن يَشَآءُۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبۡرَةٗ لِّأُوْلِي ٱلۡأَبۡصَٰرِ ١٣

“Katakanlah kepada orang-orang yang Kafir: “Kamu pasti akan dikalahkan di Dunia ini dan akan digiring ke dalam Neraka Jahannam, dan itulah tempat yang seburuk-buruknya. Sesungguhnya telah ada tanda bagi kamu pada dua golongan yang telah bertempur, segolongan berperang di jalan Allah dan segolongan yang lain Kafir yang dengan mata kepala melihat seakan-akan orang-orang Muslimin dua kali ganda jumlah mereka. Allah menguatkan dengan bantuanNya siapa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai mata hati.” [Ali-Imran: 12-13]

PERHATIAN UNTUK SELURUH UMMAT MUSLIMIN

BOIKOTLAH PRODUK-PRODUK DAGANGAN ISRAEL

McDonalds

STARBUCKS

Nestle

Coca-Cola

DANONE

L’OREAL

KETER